



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	19/2/2013

'Hudud PAS tak berpaksi keadilan Islam'

BH-19/2/2013

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad (**gambar**) menegaskan 'hukum hudud PAS' tidak berpaksikan kepada prinsip keadilan Islam kerana lebih mengutamakan kepentingan politik duniawi.

Disebabkan ketidakadilan itulah, kata bekas Perdana Menteri, beliau menolak hukum hudud PAS, sebaliknya hanya menerima hukum hudud Allah seperti terkandung dalam kitab suci al-Quran yang menekankan aspek keadilan.

Dr Mahathir berkata, hukum hudud PAS jelas bertentangan dengan kehendak Islam kerana al-Quran sudah menyebut bahawa pelaksanaan sesuatu hukuman itu perulah secara adil.

"Dalam al-Quran disebut 'apabila kamu hukum, huku-

mlah dengan adil'. Ini kehendak Islam, apabila hukuman itu tidak adil, ia tidak Islam... apabila hukuman itu disebabkan kepentingan politik duniawi, itu juga bukan Islam.

"Sebab itu kita tolak hukum (hudud PAS), kita berpegang kepada hukum Allah SWT. Hukumlah dengan adil, kata mereka (PAS), orang Islam saja kena hukum hudud, bukan Islam tak kena hukum hudud... (mungkin) kerana takut (bukan Islam) tidak undi PAS.

Hukum mesti adil

"Jika dua orang berpakat... seorang Cina, seorang Melayu beragama Islam, mereka pergi mencuri dan kena tangkap, maka dihukum oleh PAS. Orang Melayu kena potong tangan, Cina kena dua bulan



penjara... adilkah? Sudah tentu tidak adil... kalau nak kena hukum, ia kena sama," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Bersama Negarawan Ulung, di sini semalam. Majlis yang mengahimpunkan lebih 3,000

peneroka FELDA itu turut dihadiri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Pengerusi FELDA, Tan Sri Mohd Isa Samad.

Dr Mahathir berkata, di dalam al-Quran, ada 43 ayat suci yang memberi penekanan kepada aspek keadilan dalam sesuatu pelaksanaan termasuk hukum hudud.

Sehubungan itu, katanya, jika ingin melaksanakan hukum hudud, ia mesti secara adil seperti tuntutan Islam dan tidak boleh hanya membabitkan pihak tertentu atau penganut agama Islam saja.

"Sebab itu kita dalam kerajaan pada masa saya dan sekarang, masih lagi berpegang kepada prinsip keadilan dalam Islam. Sebelum kita lakukan apa-apa, kita pastikan ia mengikut kehendak Islam," katanya.